

30 MAR 2001

Mahathir-Keadilan

PM KESAL DENGAN PERTEMUAN SULIT ANTARA KEADILAN DAN DIPLOMAT

BAHAU, 30 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kesal dengan tindakan Parti Keadilan Nasional (Keadilan) yang dilaporkan mengadakan pertemuan sulit dengan beberapa diplomat asing berhubung isu rawatan Datuk Seri Anwar Ibrahim di luar negara.

Perdana Menteri berkata Malaysia tidak ingin melihat orang asing campur tangan dalam urusannya kerana kalau ini terjadi, ia bermakna kebebasan negara sudah dibelenggu.

"Hari ini kita undang mereka suruh campur tangan, esok janganlah marah kalau mereka ambil tindakan bagi tentukan siapa jadi Perdana Menteri, Menteri dan sebagainya.

"Ini sudahpun berlaku di tempat lain," katanya kepada pemberita selepas mengadakan perjumpaan tertutup dengan pemimpin Umno bahagian Jempol dan Jelebu di Kompleks Pejabat-Pejabat Kerajaan daerah Jempol di Bandar Baru Serting dekat sini, hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas laporan sebuah akhbar tempatan hari ini yang menyebut beberapa diplomat asing termasuk bekas duta besar Amerika Syarikat ke Malaysia, John R. Mallot menghadiri talikmat di Kuala Lumpur semalam mengenai kesihatan bekas timbalan perdana menteri itu yang mengalami sakit tulang belakang.

Laporan itu menyebut pertemuan itu yang diadakan di sebuah hotel, dikawal ketat dan cuba dirahsiakan daripada pengetahuan media.

Antara diplomat asing yang hadir dalam perjumpaan itu ialah dari kedutaan

Amerikat Syarikat, Perancis, Indonesia, Kanada, Australia dan New Zealand.

Dr Mahathir berkata seelok-eloknya rakyat menyelesaikan sendiri masalah mereka tanpa perlu campur tangan pihak luar.

"Apa juga masalah yang kita hadapi, kita selesaikan sesama kita... tak payah minta tolong orang lain," katanya.

Difahamkan taklimat hampir dua jam anjuran parti Keadilan itu bertujuan mendapatkan sokongan pihak terbabit dalam memberi tekanan kepada kerajaan supaya membenarkan Anwar menjalani rawatan penyakit tulang belakangnya di luar negara.

Selain presiden parti Keadilan Datuk Seri Dr Wan Azizah Ismail, turut hadir ialah presiden PAS Datuk Fadzil Noor, pengerusi DAP Lim Kit Siang, presiden Parti Rakyat Malaysia (PRM), Dr Syed Husin Ali dan setiausaha agung DAP, Kerk Kim Hock.

-- BERNAMA

APG DC AHH PR